



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref.

Ruj. Kami / Our Ref. : (05)04/C/PD/656/4 Jil.6

1 Disember 2021

**Pk (EL) MPOB 04/2021**

Semua Pemegang Lesen Kategori Tapak Semaian

Tuan,

**PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN): MANDATORI PENSIJILAN *CODE OF GOOD NURSERY PRACTICE FOR OIL PALM NURSERIES (CoPN)***

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-111 yang diadakan pada 26 Oktober 2020 telah meluluskan tambahan Kriteria Permohonan Lesen dan Syarat Lesen berkaitan Pensijilan *Code Of Good Nursery Practice For Oil Palm Nurseries (CoPN)* serta pematuhan kehendak dan keperluan yang terkandung dalam piawaian CoPN yang akan dikenakan ke atas pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN).

3. Sehubungan itu, Lembaga akan menguatkuasakan kriteria dan syarat lesen seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 (Pk (EL) MPOB 04/2021) mulai 1 Julai 2022.**

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 (Pk (EL) MPOB 04/2021) bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah



s.k.

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPPK
- iii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA)
- iv. Setiausaha Eksekutif Persatuan Penanam-Penanam Malaysia Timur (EMPA)
- v. Setiausaha Eksekutif Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH)
- vi. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA)
- vii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Kelapa Sawit Sarawak (SOPPOA)
- viii. Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA)
- ix. Setiausaha Eksekutif Pergabungan Persatuan Peladang (ISP)



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 04/2021

Tarikh Kuatkuasa : 1 Julai 2022

Perkara : **PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN  
LESEN DAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI  
PEMEGANG LESEN KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN):  
MANDATORI PENSIJILAN *CODE OF GOOD NURSERY  
PRACTICE FOR OIL PALM NURSERIES (CoPN)***

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan mandatori pensijilan *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* sebagai tambahan kriteria permohonan lesen dan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori tapak semaian bagi aktiviti menghasilkan, menjual, mengalih, menyimpan anak benih kelapa sawit, menyimpan biji benih kelapa sawit dan menyimpan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengusaha tapak semaian kelapa sawit merupakan salah satu sub-sektor di peringkat hulu rantai pembekalan minyak sawit. Fungsi utama tapak semaian adalah membekalkan anak benih kelapa sawit yang bermutu tinggi kepada pengusaha-pengusaha tanaman kelapa sawit yang terdiri daripada pengusaha estet dan kebun kecil. Menanam anak benih berkualiti serta mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang baik akan menghasilkan pokok kelapa sawit yang dapat mengeluarkan hasil buah tandan kelapa sawit yang tinggi. Ini bermakna pemilihan anak benih adalah kritikal dalam perusahaan sawit yang mempunyai hayat ekonomik dalam lingkungan 25 tahun.
- 2.2 Sehubungan itu, pensijilan CoPN yang mana CoPN mempunyai kriteria atau elemen keperluan yang lebih ketat dan sistematik hendaklah dilaksanakan sebagai salah satu kriteria permohonan dan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bagi memastikan pembekalan anak benih kelapa sawit yang sesuai dan berkualiti ditanam oleh pengusaha estet dan kebun kecil.
- 2.3 Setelah kajian dibuat dan pandangan industri kelapa sawit diambil kira dalam pengenaan kriteria permohonan dan syarat lesen ini, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* hendaklah dilaksanakan secara mandatori.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800 . Faks: 03-78034014, 03-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

- 2.4 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga ke-111 yang telah diadakan pada 26 Oktober 2020 telah memutuskan bahawa pensijilan *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* dijadikan salah satu tambahan kriteria permohonan lesen dan syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

**3.0 PENGUATKUASAAN TAMBAHAN KRITERIA PERMOHONAN DAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan tambahan kriteria permohonan lesen dan syarat lesen bagi pemegang lesen kategori Tapak Semaian (NN) adalah seperti berikut:

**Kriteria Lesen:**

“Pemegang lesen diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen diluluskan untuk mempunyai pensijilan *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* daripada Lembaga atau mana-mana badan pensijilan atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga”.

**Syarat Lesen:**

- (1) “Pemegang lesen dikehendaki mempunyai pensijilan *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* daripada Lembaga atau mana-mana badan pensijilan atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga”.
- (2) “Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak dan keperluan amalan baik tapak semaian yang terkandung di dalam *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* terkini atau mana-mana amalan baik tapak semaian yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada Lembaga atau mana-mana badan pensijilan atau mana-mana agensi yang diiktiraf oleh Lembaga”.
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800 . Faks: 03-78034014, 03-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**4.0 PENERUSAN DAN PEMBATALAN**

4.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2012 [Pk (EL) MPOB 01/2012] bertarikh 9 Januari 2012 berkaitan penguatkuasaan pematuhan kehendak dan keperluan yang terkandung di dalam *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* sebagai syarat lesen bagi kategori Tapak Semaian (NN) masih berkuatkuasa sehingga 30 Jun 2022.

4.2 Pekeliling Penguatkuasaan [Pk (EL) MPOB 01/2012] terbatal sebaik sahaja Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 [Pk (EL) MPOB 04/2021] ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2022.

**5.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 04/2021 [Pk (EL) MPOB 04/2021] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori tapak semaian.

**6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2022**.

**7.0 PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

  
**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah  
MPOB

Tarikh: 01/12/2021

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 03-78022800 . Faks: 03-78034014, 03-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>